

Pelajar pascasiswazah UMS anjur seminar pengurusan kewangan

UB 15.5.2015 B6

KOTA KINABALU: Pelajar pascasiswazah program sarjana Pendidikan dari Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan seminar pengurusan kewangan sekolah.

Program sehari yang bertemakan 'Pengurusan Kewangan: Akauntabiliti dan Integriti' itu merupakan anjuran pelajar sarjana pengurusan pendidikan semester empat UMS.

Objektif program berkenaan adalah mewujudkan budaya pengurusan kewangan yang berkualiti dalam kalangan peserta selain meningkatkan tahap kesedaran tentang pengurusan kewangan agar dapat mengurus dengan lebih cekap dan telus.

Selain itu, ia juga dapat mempromosikan potensi perakaunan sebagai medium pembedaan penyampaian perkhidmatan serta meningkatkan kefahaman peserta tentang pengurusan kewangan abad ke-21 dalam organisasi pendidikan.

Ceramah bertajuk 'Pengurusan Akaun Sekolah' disampaikan oleh Ketua Unit Akaun sekolah JPN Sabah Haji Md Ruslin Abdul Samad, dan 'Isu-isu dalam pengendalian akaun sekolah' oleh Ketua Audit Sekolah, Bahagian Audit Sekolah Sabah Jarahim Jahim.

Dalam ucapan alu-aluannya, pengarah program Asmawati Lamsan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program berkenaan.

Sementara penasihat program Prof Madya Dr Rrashid Mail berkata, dunia pendidikan pada hari ini telah menjadi satu sektor penting bukan sahaja kepada sebuah negara malah menjangkau unit yang lebih mikro seperti organisasi dan keluarga.

"Oleh itu, seminar ini sangat bertepatan dengan hasrat untuk memperkasakan pengurusan kewangan khususnya di sekolah," katanya.

Program berkenaan



ROSMINAH

disempurnakan perasmian penutupannya oleh Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS Dr Mohd Zaki Ishak.

Menurut jurucakap program Rosminah Jainal, matlamat perkongsian dan pendedahan tentang ilmu pengurusan kewangan adalah kearah mentransformasikan organisasi selain memupuk kesedaran mengenai kepentingan perancangan kewangan khususnya di sekolah.



AHLI jawatankausa pelaksana seminar bergambar kenangan.